



BERITA BERKUALITI BERKEMERDEKAAN

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 2/2008 • Mac-Apr 2008

www.pkink.gov.my

edaran percuma



Perletakan Batu Asas telah di sempurnakan oleh YB Senator Hajjah Wan Ubaidah Wan Omar



Ketua Eksekutif PKINK menunjukkan plan rekabentuk projek kepada YB Senator



Tetamu jemputan dan penduduk setempat yang hadir

1 Mac 2008, satu Majlis Perletakan Batu Asas Medan Ikan Bakar telah diadakan dan dirasmikan oleh YB Senator Hajjah Wan Ubaidah Wan Omar. Projek tersebut dibangunkan di atas tanah Kerajaan seluas 0.661 ekar di Kg. Siti Mani, Mukim Kedai Buluh, Daerah Badang, Kota Bharu. Projek ini termasuk di bawah RM Ke-9, melibatkan kos RM3 juta

Lokasi projek terletak di tepi Sungai Kelantan, di Jalan Kedai Buluh/Kuala Besar, iaitu 5 km dari Pusat Bandar Kota Bharu dan 3 km dari Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di Kuala Besar.

Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada Jun 2008 dan dijangka siap pada bulan Disember 2009. Projek ini dijangka dapat melahirkan 30 pengusaha Bumiputera dalam bidang yang berkaitan dan secara tidak langsung mewujudkan pekerjaan kepada penduduk tempatan khususnya di sekitar Kedai Buluh.

Komponen Projek yang dicadangkan ialah:

- o Kedai Am/Pelbagai - 25 unit
- o Restoran Ikan Bakar - 2 unit
- o Surau - 1 unit
- o Tandas - 1 unit
- o Pejabat Pengurusan - 1 unit



Majlis Perletakan Batu Asas Medan Ikan Bakar.



SIDANG EDITOR

PENAUNG

Haji Wan Yahya Wan Salleh

PENASIHAT

Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

En. Ahmad Nazri bin Ismail

EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

Tengku Petra Tengku Wook

PENGARANG

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

JURUFOTO

Tengku Petra Tengku Wook



PERCETAKAN

ATH MARKETING SDN. BHD.

219712-K

D13, Jalan Bayam,

15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7440955 Fax: 09-747 2415

email: athmark@streamyx.com



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan Darulnaim

tel: 09-7414141 fax: 09-7414140/7414069

www.pkink.gov.my

Dari Meja Ketua Editor

Alhamdulillah dengan limpahan berkat dan kurniaan Ilahi Rabbi kita dapat bersua kembali dalam Berita PKINK Bilangan 2/2008.


Pilihanraya Umum ke-12 (PRU 12) baru saja berlalu dan sedikit sebanyak telah mengubah landskap politik negara. Sebagai anggota perkhidmatan awam kita tidak perlu bersikap prejudis dan memihak kepada mana-mana pihak sebaliknya kita mesti patuh dan akur dengan corak atau sistem pentadbiran terkini dengan usaha dan tekad untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat yang mengharapakan khidmat bakti anggota perkhidmatan awam.

Apa yang sedang hangat diperkatakan kini pula ialah tentang kenaikan harga barang, sebagai anggota perkhidmatan awam kita tidak terkecuali merasai kesan dari kenaikan harga barangan ini, sehubungan dengan itu kita perlu bijak untuk berbelanja dengan penuh hemah agar ianya tidak akan menjadi beban terutamanya kepada anggota-anggota yang mempunyai anak yang ramai serta masih dibangku persekolahan. Kenaikan harga barang ini melanda secara global barang keperluan seperti minyak, beras dan sebagainya. Sebagai pengguna, kita semua perlu membuat pilihan yang tepat dalam berbelanja yakni mendahulukan perkara-perkara yang utama. Begitu juga dalam membelanjakan peruntukan jabatan, pastikan setiap perbelanjaan yang dibuat adalah terhadap perkara-perkara yang benar-benar mustahak dan elakkan dari pembaziran.


Walau bagaimanapun kakitangan awam turut menerima berita gembira apabila Kerajaan bersetuju melanjutkan umur persaraan daripada 56 tahun kepada 58 tahun berkuatkuasa 1 Julai 2008. Sebagai tanda terima kasih dan penghargaan terhadap keputusan Kerajaan tersebut anggota-anggota perkhidmatan awam diseru untuk terus berusaha bagi meningkatkan produktiviti dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan

Dalam menghadapi senario ini, sayugia diingatkan semua anggota Kumpulan PKINK bahawa kita perlu tekadkan diri ke arah kebaikan kerana kita tahu apa yang kita mahukan.

** PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH **



Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kumpulan PKINK



1. Majlis diakhiri dengan Selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.
2. Majlis dirasmikan oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. Antara anggota yang hadir
4. Syarahan disampaikan oleh Ustaz Wan Shohor Bani Leman
5. Ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif PKINK
6. Bacaan Berzanji oleh Kumpulan Al-Hidayah dari Pasir Mas

Sambutan Maulidur Rasul 2008 Peringkat Kumpulan PKINK telah diadakan pada 30 Rabiulawal 1429 bersamaan 7 April 2008 di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana, Kota Bharu. Penceramah jemputan yang diundang pada kali ini ialah personaliti tersohor yang sering muncul dalam rancangan Al-Kuliyah terbitan TV3 iaitu iaitu Al-Fadhil Ustaz Wan Shohor Bani Leman Pensyarah UIA.

Program dianjurkan dengan objektif untuk mengingati dan mengenali junjungan besar Rasulullah S.A.W. dengan lebih mendalam. Walaupun terpaksa meninggalkan tugas pejabat namun kesemua anggota Kumpulan PKINK tidak melepaskan peluang untuk turut serta. Bacaan berzanji/rawi oleh kumpulan berzanji Al-Hidayah dari Pasir Mas yang terdiri daripada Hj. Abd Ghani Daud, Hj. Abdullah Mat Hussin dan Hj. Muhamad Daud turut memeriahkan majlis.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Wan Yahya Wan Salleh dalam ucapan aluan beliau, menyatakan hasrat agar program ini bukan sekadar sambutan malahan akan melahirkan personaliti-personaliti yang baik yang tidak lagi memerlukan kepada peraturan yang wujud di badan-badan kerajaan. Melalui penghayatan dan amalan ajaran Rasulullah s.a.w. akan membentuk anggota yang memberi manfaat dan menyumbang kepada kemajuan bukan sahaja di peringkat Perbadanan malahan di peringkat seluruhnya.

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Hj. Ahmad Yakob. Majlis diakhiri dengan selawat beramai-ramai oleh semua anggota yang hadir.

PERJUMPAAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK DENGAN ANGGOTA KPK SDN BHD

Kota Bharu - 22 Januari 2008, Ketua Eksekutif dalam siri lawatannya ke Syarikat-Syarikat Anak Kumpulan PKINK, telah mengadakan satu sesi perjumpaan dengan anggota Pengurusan dan Sokongan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd di pejabatnya, Jalan Dato' Lundang, Kota Bharu.

Dalam amanatnya, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Wan Yahya Wan Salleh menekankan beberapa perkara penting yang mesti diutamakan oleh semua anggota bagi sama-sama memajukan Syarikat untuk kepentingan rakyat dan negeri. Antara perkara yang diberi penekanan oleh beliau ialah;

- Semua anggota tidak kira pangkat bawahan mahupun atasan perlulah meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.
- Kesungguhan dan komitmen adalah amat penting di dalam menjalankan tugas
- Pupuk hubungan kasih sayang dan semangat kekitaan di kalangan pekerja
- Komunikasi yang baik dan jelas adalah amat perlu di antara pekerja bawahan dan atasan
- Tanam perasaan cinta dan sayang pada syarikat, kerana di sinilah kita bermula dan kemungkinan akan berakhir. Di sinilah tempat kita mencari rezeki yang halal.
- Jangan sekali-kali membazir dalam menjalankan tugas, baik masa dan juga material.
- Sentiasa berfikir dalam ruang lingkup yang luas dan berpandangan positif.
- Rangka perubahan bersama pengurusan untuk kebaikan dan kejayaan syarikat. Pihak pengurusan jangan memandang rendah apa-apa cadangan dari pihak bawahan.
- Setiap pekerjaan yang dilakukan mestilah berserta dengan niat beribadah kepada Allah S.W.T. InsyaAllah apa yang kita perolehi bukan sekadar kesenangan dunia sahaja, bahkan kesejahteraan Akhirat.



Anggota KPK yang hadir diperjumpaan dengan Ketua Eksekutif PKINK



Ketua Eksekutif menyampaikan pesanannya diperjumpaan dengan anggota KPK

Muslim Best Food Pasarkan Kerepek Ubi Kayu Ke Eropah

PKINK sekali lagi mencatat sejarah apabila berjaya menguruskan satu perjanjian persefahaman (MOU) antara usahawan bimbingan PKINK, Muslim Best Food Industries Sdn Bhd dengan syarikat Premium Quality Product Ltd yang berpangkalan di London bagi memasarkan produk kerepek ubi kayu dan pisang ke pasaran Eropah.

Pengarah urusannya, Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad berkata, Syarikatnya akan menghantar 10 kontena produk berkenaan bernilai RM120,000 sebulan selama tiga tahun.

Syarikat mempunyai lebih 2,000 rangkaian perniagaannya di seluruh Eropah dan melalui perjanjian ini, jumlah itu akan dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani MOU di depan wakil Premium Quality Product, Arun Antony di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 20 Februari 2008.

Pada majlis yang sama, Muslim Best turut menandatangani perjanjian pembekalan produk berkenaan dengan Mix Green Sdn Bhd, Agrotech Industries Sdn Bhd dan Lipah Hijau Agro.



Pertukaran dokumen antara Arun Antony dan Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad


MOU ditandatangani dan disaksikan oleh Ketua Eksekutif dan Timbalan-Timbalannya

Ketua Eksekutif di majlis MOU tersebut

Antara pegawai PKINK yang hadir

Program Kem Bina Insan Kecemerlangan Solat Kumpulan PKINK

Kem Bina Insan Kecemerlangan Solat Siri I Kumpulan PKINK telah diadakan pada 21 - 22 April 2008 di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu. Kem ini telah dihadiri 46 orang peserta yang terdiri dari anggota PKINK kumpulan Sokongan C dan D



Orang yang cerdik ialah orang yang sentiasa mengingati mati.



Setiap modul yang disampaikan banyak memberi pengajaran kepada peserta

Menjadi hasrat pengurusan agar program ini dapat membantu anggota-anggota PKINK khasnya dalam meningkatkan kompetensi kerja dengan menjaga amalan dan ibadat solat sebagai disiplin diri dan seterusnya membentuk budaya kerja cemerlang dan berkualiti dalam diri setiap anggota PKINK.

Sebanyak 9 modul telah dibentangkan dalam program ini yang terdiri daripada Mengenal Diri dan Hakikat Ketuhanan, Rukun Agama, Rahsia Al-Fatihah, Akibat dan Balasan Tinggalkan Solat, Persiapan Sebelum Solat, Makna dan Rahsia Bacaan Dalam Solat, Praktikal wuduk dan Solat Dhuha, Bacaan dan Perbuatan Selepas Solat dan juga Solat Sumber Kejayaan dan Kecemerlangan. Pengisian berbentuk bengkel seperti bengkel bacaan dalam solat, tazkirah, dan qiamullail menjadi aktiviti tambahan kepada modul-modul yang disediakan.



Peserta Kem Kecemerlangan Solat Kumpulan PKINK




Seperti pada tahun-tahun lepas pada 27 Mac 2008 acara tahunan Pertandingan Masakan Tradisional dan Gubahan sempena menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan ke-58 bagi 2008 telah berlangsung di Taman Perbandaran Tengku Anis, Tanjung Chat, Kota Bharu bermula jam 8 pagi.

Kali ini pertandingan mempertaruhkan 4 resipi masakan dan satu gubahan kristal. Resipi yang dipertandingkan tahun ini adalah Nasi Kerabu Kuning, Acar Timun, Solok Ikan, Opok-Opok dan gubahan kristal yang terdiri daripada satu set rantai, subang cincin dan gelang. Setiap peserta diminta untuk menyediakan resipi masing-masing yang lengkap dengan gubahan mengikut kreativiti.


KEKWA pada tahun ini adalah di antara 20 agensi tempatan yang telah mengambil bahagian bagi memeriahkan lagi suasana. Anggota Kumpulan PKINK yang mewakili KEKWA bagi acara tersebut adalah Puan Ramla Salleh bagi resipi Opok-Opok, Puan Wan Ramlah Wan Deraman resipi Nasi Kerabu dan Acar Timun dan Puan Hasnah Ahmad bagi resipi Solok Ikan. Manakala bagi gubahan kristal KEKWA telah menurunkan Puan Faridah Che Ali .

Majlis telah diperkenan dengan keberangkatan DYMM Raja Perempuan Kelantan pada sebelah petang untuk majlis perasmian dan penyampaian hadiah. Walaupun pernah mendapat tempat sebelum ini, kali ini KEKWA sekadar selesa dengan saguhati penyertaan. Pengalaman menyertai dan bersaing dengan mereka yang lebih pakar adalah lebih berharga.

1. Peserta yang mewakili PKINK
2. Antara juadah yang disediakan oleh PKINK
3. Antara juri yang mengadili pertandingan tersebut



Pertandingan Masakan Tradisional dan Gubahan Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan Ke-58.



1. Acara Orghe Makan Orghe dimenangi pasukan Tarbus
2. Lari Dalam Guni, antara acara kanak-kanak yang dipertandingkan
3. Pasukan Tarbus di samping hamper gergasi yang dimenangnya
4. Pasukan PKINK yang diberi nama Kumpulan Tarbus
5. Acara pertunjukan gasing
6. Boling Kelapa antara acara yang dipertandingkan untuk wanita

Tarbus Johan

Sukan Rakyat Keputeraan KDYMM Al Sultan Kelantan Ke-58
Peringkat Kota Bharu 2008

Sukan Rakyat Sempena Menyambut UlangTahun Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan ke-58 peringkat Jajahan Kota Bharu telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Sakti, Kota Jembal Kota Bharu pada 19 Mac 2008.

PKINK untuk kali ke-3 telah turut serta mengambil bahagian dan pada kali ini diberi nama Kumpulan TARBUS. Sebanyak 4 kumpulan telah mengambil bahagian di mana pesertanya terdiri dari anggota-anggota kerajaan/badan berkanun.



Sebanyak 16 acara telah dipertandingkan seperti acara Orghe Makan Orghe, Cuci Bandar, Bola Jaring, Hijrah, Pukul Belon Air, Baling Telur, Bakul Bertelur, Lari Tempurung dan Junjung Bakul. Rata-ratanya acara yang disediakan amat kreatif dan berubah-ubah setiap tahun.

Kali ini kumpulan dinamakan dengan nama Tarbus, Celana, Sepatu dan Baju. Dibezakan antara kumpulan adalah cara pemakaian yang kreatif dan unik malahan adakalanya pelik. Acara keseluruhan telah dimenangi oleh Kumpulan Tarbus yang diwakili oleh PKINK dan kanak-kanak Sekolah Rendah Kebangsaan Sering manakala Air Kelantan telah memenangi anugerah kumpulan paling ceria. Kedua-dua pemenang telah dihadiahkan hamper gergasi pada majlis penyampaian hadiah pada petangnya oleh DYMM Raja Perempuan Kelantan.

Majlis telah diperkenan dengan keberangkatan DYMM Raja Perempuan Kelantan pada jam 3 petang untuk majlis penutup. Para hadirin telah dihidangkan dengan persembahan senamrobik 'poco-poco' oleh kanak-kanak sekolah, persembahan kebudayaan serta artis jemputan Jaffar Onn. Majlis diserikan dengan persembahan pelbagai peringkat rakyat dari persembahan kanak-kanak tadika hinggalah ke peringkat dewasa dalam acara pertunjukan gasing.

PENEMPATAN BARU ANGGOTA PKINK

	NAMA	TARIKH KUATKUASA	JAWATAN BAHAGIAN
	Amran Ahmad	23 Mac 2008	Penolong Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan
	Nik Amalina Dato' Nik Abd Aziz	23 Mac 2008	Penolong Pengurus Bahagian Khidmat Teknikal
	Mohd Adnan Jaafar	23 Mac 2008	Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Projek & Hartanah
	Anizam Ab. Rahman	23 Mac 2008	Pembantu Tadbir Bahagian Perdagangan Antarabangsa
	Hasnah Ahmad	23 Mac 2008	Pembantu Tadbir Bahagian Projek dan Hartanah



BOLA SEPAK PERSAHABATAN ANTARA ADUN & PKINK

1. Hadiah telah disampaikan oleh YB Hj. Nasaruddin Daud
2. Pasukan ADUN Kelantan berjersi putih, manakala Pasukan PKINK berjersi hitam merah.
3. Setelah tamat separuh masa pertama Pasukan PKINK mendahului 3-1
4. YB Speaker DUN Kelantan menyaksikan perlawanan tersebut
5. Pasukan ADUN Kelantan dan Pasukan PKINK



Sempena dengan sidang DUN Kelantan yang berlangsung dari 28 hingga 30 April 2008, satu perlawanan bolasepak persahabatan antara Pegawai PKINK dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan telah diadakan di Stadium Sultan Muhammad ke IV, Kota Bharu pada 30 April 2008 jam 9.00 malam.

Di separuh masa pertama, Pasukan PKINK mendahului dengan jaringan 3 - 1, walau bagaimanapun setelah tamat masa permainan, kedua-dua pasukan terikat seri 3 - 3. Hadiah telah disampaikan oleh YB Haji Nasaruddin Daud, Speaker DUN Kelantan.



IKHLAS, BENAR DAN NIAT

oleh Hawa M. Salleh pada 3 Mac 2008

Orang yang terbaik amalannya adalah orang yang paling ikhlas dan paling benar amalannya. Maksud ikhlas ialah amal yang dilakukan hanya kerana Allah S.W.T., manakala amal yang benar ialah amal yang mengikuti sunnah Nabi S.A.W.

Mengikut ulama Sufi, amal yang benar jika tidak dibuat dengan ikhlas tidak diterima oleh Allah S.W.T., begitu juga amal yang ikhlas jika tidak dibuat dengan cara yang benar, juga tidak diterima. Setiap amalan mestilah bergantung kepada niat.

1. Niat adalah penting bukan sahaja untuk ibadat khusus, tetapi juga untuk amalan-amalan lain.
2. Amal memerlukan niat. Niat yang baik tidak menjadikan amalan keji itu bertukar jadi amalan baik.
3. Amalan menjadi besar di sisi Allah, jika niatnya kerana Allah.
4. Setiap amalan ada nilai tambah jika disertakan banyak niat yang baik-baik
5. Pertolongan Allah S.W.T. kepada hambaNya atas kadar niatnya



PERANAN HATI MANUSIA

oleh Azila Ariffin pada 16 Mac 2008

Hati yang digelar "qal" dalam bahasa arab bererti berubah-ubah, kerana dalam hidup seharian manusia sentiasa berubah-ubah sifatnya. Hati dibahagi kepada 3 jenis iaitu:

1. Hati yang baik (jujur, amanah, ikhlas)
2. Hati yang jahat (dengki, khianat)
3. Hati mati (tanpa tujuan hidup)

Hati seolah-olah raja, manakala anggota-anggota lain sebagai pembantunya. Hati yang baik dapat dikawal melalui beberapa perkara iaitu;

1. Sentiasa dalam keadaan wuduk
2. Sentiasa berzikir
3. Menjaga pancaindera
4. Membaca Al-Quran

Hati yang jahat tidak percaya kepada kitab Al-Quran, dan tidak ingat bahawa terdapat malaikat yang mencatat buruk baik yang dilakukan oleh manusia. Oleh itu manusia sewenangnyanya sentiasa melakukan maksiat.

Kebanyakan yang berlaku pada hari ini ialah hati yang mati, dimana mereka melakukan perkara yang rutin hari-hari, mereka juga sembahyang dan dalam masa yang sama maksiat masih tidak ditinggalkan, ini berlaku kerana mereka tidak ada tujuan untuk bertemu Tuhannya. Mereka ini tidak takut atau insaf melihat kematian atau tidak merindui Tuhannya.



PERUBAHAN SIKAP - MEMBINA KENDIRI YANG UNGGUL

oleh Mohd Ramli Hamzah pada 20 April 2008

Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap individu, tidak kira dalam bentuk formal ataupun tidak. Dalam proses menuntut ilmu, apa yang penting ialah sikap kita mestilah sentiasa terbuka dan bersedia menerima dan berkongsi pengalaman dengan orang lain. Secara realiti, sikap setiap individu mengandungi tiga elemen penting:

1. Perubahan minda - Minda merupakan titik mula yang mempengaruhi manusia untuk bertindak balas.
2. Perubahan perasaan - Perasaan juga disebut emosi, naluri yang sering menguasai diri. Tiga perasaan negatif yang perlu dikikiskan ialah perasaan rendah diri, enggan mengakui kelemahan diri dan mudah berpuas hati dengan apa yang ada.
3. Berubah tingkah laku - Ia berupa penampilan diri yang bertindak hasil tindakbalas daripada perubahan minda dan perasaan.

Perubahan sikap adalah suatu tuntutan bagi mencapai kecemerlangan kerjaya dan kehidupan setiap individu.



SYUKUR

oleh Wan Azizan Wan Yaacob pada 23 Mac 2008

Syukur ialah berterima kasih hamba-hambaNya kepada Allah di atas segala nikmat, rahmat, berkat dan hidayah yang dikurniakan ke atas manusia. Sebagai orang muslim, kita mestilah sentiasa bersyukur; baik melalui lisan, hati mahupun perbuatan. Terlalu banyak nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada hamba-hambaNya, dan iaNya tidak meminta balasan dan yang penting hamba-hambaNya mestilah bersyukur.

Di PKINK sebagai penjawat awam, kita seharusnya bersyukur dengan berbagai kemudahan yang diterima, oleh itu bekerjalah dengan rajin dan amanah agar rezeki yang diterima mendapat keberkatanNya. Islam memperkenalkan konsep Ihsan bagi menggalakkan manusia membudayakan kerja dengan cemerlang. Ciri utama Ihsan ialah:

1. Berlumba-lumba dalam membuat kebaikan
2. Membaiki diri dalam meningkatkan kualiti modal insan disukai Allah
3. Wajib membuat baik terutama kepada orang yang rapat dan banyak berjasa kepada kita
4. Orang yang berjaya ialah orang yang banyak amalannya
5. Semua perbuatan adalah sedekah
6. Memberi contoh yang baik mendapat pahala
7. Manusia yang membawa manfaat adalah sebaik-baik manusia.




MUHASABAH DIRI

oleh Nik Ayub Nik Him pada 27 April 2008



PKINK melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah menganjurkan banyak program-program keagamaan untuk semua anggota. Melalui program seperti kuliah mingguan, bulanan dan ceramah-ceramah hari kebesaran Islam, anggota PKINK diberi peluang menambahkan ilmu pengetahuan melalui pendengaran dan pembelajaran secara formal.

Oleh itu semua anggota PKINK diminta sama-sama muhasabah diri, perbetulkan mana-mana kesilapan yang pernah dilakukan.



ZIKIR KIKIS PENYAKIT KERAS HATI, SIKAP MAZMUMAH

oleh Wan Haliza Wan Ali pada 9 Mac 2008

Kepentingan zikir di dalam mengikis penyakit keras hati yang semakin merisaukan masyarakat kita pada hari ini. Pada umumnya mengikut Ibnu Qayyum hati terbahagi kepada 3 iaitu:

- Hati yang sihat, iaitu yang selalu menerima, mencintai dan mendahulukan kebenaran
- Hati yang keras, iaitu tidak menerima kebenaran
- Hati yang sakit, iaitu menolak dan menentang kebenaran

Bagi membina hati yang sihat, setiap manusia perlulah mengamalkan;

- Sentiasa membaca Al-Quran dan beramal dengannya.
- Sentiasa merendah diri
- Mengingati kematian
- Banyakkan berzikir.

Antara kelebihan berzikir ialah:

- Menjauhkan syaitan dan menghancurkan kekuatannya
- Menyebabkan keredhaan Allah
- Menjauhkan dukacita dan kerisauan hati
- Menguatkan hati dan badan
- Menarik rezeki
- Menyebabkan hati dan wajah bercahaya
- Membersihkan kekotoran daripada hati
- Menjauhkan daripada maksiat dan dosa
- Menyebabkan turunnya rahmat dan ketenangan
- Penyelamatkan seseorang daripada azab Allah.

Mengingati Mati

oleh Rasdi Hassan pada 6 April 2008

Umur yang paling baik sekali ialah umur yang diberkati Allah S.W.T., tak kira panjang atau pendek umur seseorang itu. Beberapa tokoh ulama yang tersohor seperti Iman Shafie, Iman Al-Ghazali, Umar Abd. Aziz dan ramai lagi iman-iman besar yang lain wafat dalam usia yang singkat, tetapi mereka itu adalah ulamak yang menjadi contoh sepanjang zaman.

Mengingati mati menjadikan kita sentiasa dekat dengan Allah S.W.T. Kita akan sentiasa mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan sentiasa menjauhi perkara-perkara mungkar. Sekiranya kita tidak mengingati akan kematian, menjadikan kita leka dengan godaan dunia, akan berebut-rebut harta dunia dan sentiasa mementingkan nafsu serta leka untuk bertaubat.

Setiap muslim mestilah melengkapkan diri bagi menghadapi kematian yang pasti datang. Selain menjadi orang yang sentiasa mematuhi perintah Allah S.W.T., setiap muslim juga perlu menjaga hubungan sesama insan.



MAKANAN ANTI KEDUTAN

Ramai masyarakat kita hari ini mengeluh, terutamanya wanita apabila melihat wajah mereka mula timbul kedutan. Kedutan adalah tanda proses penuaan, kedutan juga akan menjejaskan kecantikan seseorang. Kedua faktor inilah yang menyebabkan ramai di kalangan kita sanggup mencari jalan untuk menghapuskan atau sekurang-kurangnya mengurangkan kedutan, terutamanya di wajah. Sebenarnya kedutan mampu dikurangkan melalui pemakanan sahaja. Pemakanan yang tepat mampu memastikan kulit wajah tegang dan sentiasa awet muda;

- ❑ **Ikan salomon** - mempunyai banyak antioksidan kerana kaya dengan asid omega 3 dan astaxanthin. Selain itu ia juga adalah satu sumber dimethylaminoethanol iaitu sejenis protein semula jadi yang dapat menegangkan otot wajah.
- ❑ **Makanan warna hijau** - ia mengandungi banyak klorofil yang dapat meningkatkan kemampuan tubuh untuk menangkis radikal bebas penyebab kedutan. Banyak terdapat pada sayuran berdaun hijau seperti kangkung dan bayam.
- ❑ **Serat** - terutama yang larut membantu mengatur metabolisme di dalam pencernaan dan menstabilkan tahap glukosa dalam darah. Manakala serat tidak larut pula akan mencegah kegemukan kerana membantu anda merasa kenyang lebih lama.
- ❑ **Blueberry** - mengandungi phytochemical yang membantu mencegah kematian sel dan menyokong pengeluaran hormon dopamin yang membantu mengurangkan stress. Hasilnya kawalan otot menjadi lebih baik, tekanan darah makin berkurang dan penampilan lebih muda.



Lima Cara Pilih Sahabat

oleh En. Mohd Adnan Jaafar pada 13 April 2008

Nasihat yang boleh diikuti dalam membina persahabatan ialah sebagaimana pesanan al-Qamah kepada anaknya.

Pertama: pilihlah sahabat yang suka melindungi sahabatnya, dia adalah hiasan diri kita dan jika kita dalam kekurangan nafkah, dia suka mencukupi keperluan

Kedua: pilihlah sahabat yang apabila engkau menghulurkan tangan untuk memberikan jasa baik atau bantuanmu, dia suka menerima dengan rasa terharu, jika ia melihat kebaikan yang ada pada diri mu, dia suka menyebutnya.


Ketiga: pilihlah sahabat yang apabila engkau menghulurkan tangan untuk memberikan jasa baik atau bantuanmu, dia suka menerima dengan rasa terharu dan dianggap sangat berguna, dan jika ia mengetahui mengenai keburukan dirimu ia suka menutupnya.

Keempat: pilihlah sahabat yang jika engkau menerima sesuatu daripadanya, pasti ia memberi, jikalau engkau diam, dia mula menyapamu dulu dan jika ada sesuatu kesukaran dan kesedihan yang menimpa dirimu, dia suka membantu dan meringankanmu serta menghiburkanmu.

Kelima: sahabat yang jikalau engkau berkata, ia suka membenarkan ucapan dan bukan selalu mempercayainya sahaja. Jikalau engkau mengemukakan sesuatu persoalan yang berat dia suka mengusahakannya dan jika engkau berselisih dengannya, dia suka mengalah untuk kepentinganmu.

Dalam memilih sahabat kita hendaklah memilih sahabat yang baik agar segala matlamat dan hasrat untuk memperjuangkan Islam dapat dilaksanakan bersama-sama sahabat yang mulia.

Majlis Perasmian Klinik Badminton PKINK



Pelatih-pelatih didedahkan dengan cara permainan yang sistematik



Wan Yahya menyampaikan ucapan alu-aluan



Roslin dan Hafiz menampilkan teknik permainan profesional



Hadiah disampaikan oleh YB Abdul Fatah Mahmood





YB Abdul Fatah menyampaikan ucapan di Majlis tersebut

Setelah ditunjuk ajar selama hampir setahun, satu Kejohanan Badminton Tertutup Klinik Badminton KSK PKINK telah diadakan pada 26 April 2008 dengan dirasmikan oleh YB Hj Abdul Fatah Bin Hj Mahmood, Exco Pembangunan Insan, Belia, Sukan & NGO Negeri Kelantan.

Klinik Badminton PKINK mula beroperasi sejak 7 April 2007 yang lalu dengan keanggotaan seramai 20 orang pada peringkat permulaan dan kini dalam usia setahun, ianya telah menjangkau kepada 84 orang. Terdiri daripada kanak-kanak lelaki dan perempuan sekitar umur 7 - 12 Tahun. Latihan diadakan secara mingguan di Dewan Badminton PBKN Jalan Raja Dewa Kota Bharu dengan tenaga jurulatih daripada bekas pemain negeri.

Di antara objektif pelaksanaan program ini adalah untuk mencungkil serta menggilap bakat-bakat muda dalam sukan badminton di samping memberi pengenalan dan pendedahan awal kepada pelatih-pelatih tentang teknik bermain badminton dengan cara yang taktikal & sistematik. Melalui program ini juga akan lahir pemain-pemain yang berkaliber di peringkat Negeri Kelantan. Aktiviti bersukan dapat menyihatkan badan ke arah kecerdasan minda serta dapat mengelakkan gejala sosial di kalangan anak-anak. Secara tidak langsung penubuhan klinik ini juga dapat membantu kelab, sekolah, negeri dan negara dalam sukan badminton selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan sukan badminton salah satu sukan teras negara.


Majlis perasmian yang telah diadakan turut dihidangkan dengan perlawanan akhir Kejohanan Badminton Tertutup Klinik Badminton KSK PKINK, persembahan teknik latihan dan juga perlawanan pembakar semangat oleh pemain negara serta bekas No. 1 dunia Roslin Hashim serta Hafiz Hashim. Usaha gigih penubuhan Klinik ini tidak sia-sia apabila YB Abdul Fatah bin Hj. Mahmood dengan murah hati telah mengisytiharkan geran RM10,000 untuk penubuhan Akademi Badminton. Semoga hasrat serta niat murni ke arah memajukan masyarakat beroleh kejayaan dan manfaat bersama.



Ustaz Al-Syeikh Muhammad bin
Abdul Aziz Ghonem

Tazkirah Perdana "Ke Arah Pembentukan Insan Muslim Yang Sejati"

30 April 2008, PKINK dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad cawangan Kota Bharu telah mengadakan satu Ceramah Perdana di Tingkat 10, Bangunan PKINK. Ceramah bertajuk Ke Arah Pembentukan Insan Muslim Yang Sejati telah disampaikan oleh Ustaz Al-Syeikh Muhammad bin Abdul Aziz Ghonem, dari Jabatan Fatwa, Universiti Al-Azhar Cawangan Alexandra, Republik Mesir.





Ar-Rahn Buka Cawangan Ke-12 & 13

Ar-Rahn yang merupakan Pusat Gadaian Islam milik penuh Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah membuka cawangannya yang ke-12 dan ke-13 di bandaraya Kuala Lumpur dan Kajang Selangor.

Cawangan Ar-Rahn di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur telah mula beroperasi pada 11 Januari 2008 yang lalu. Sementara operasi Ar-Rahn cawangan Kajang bermula 14 April 2008.

Memandangkan sambutan yang semakin meningkat Permodalan Kelantan Berhad bercadang membuka beberapa cawangan baru iaitu di Rawang, Selangor dan di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia.

Ar-Rahn Cawangan Jln. Raja Laut
44-G, Jalan Raja Laut,
50300 Kuala Lumpur.

Ar-Rahn Cawangan Kajang,
No. 10, Jalan Raja Haroun,
43000 Kajang,
Selangor.



PROJEK KUMPULAN PKINK
PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH



178 UNIT
RUMAH TERES 2 TINGKAT

Taman
Zumia Jaya (FASA 5)

**Fasa
Terbaru
DI BUKA UNTUK
JUALAN**

Untuk Tempahan Sita hubungi



Profil Impian Sdn. Bhd.
PT 747 Bangunan BINARAYA Jalan Abdul Kadir Adabi,
15200 Kota Bharu, Kelantan



09-7414455 / 7414465



09-7414450